

KONSEP INTERVENSI DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN JAWI MURID PRA SEKOLAH

NORAISHAH BINTI A.RAHMAN

P108468@siswa.ukm.edu.my

MOHD ISA BIN HAMZAH

Universiti Kebangsaan Malaysia

ABSTRAK

Asas mengeja Jawi sangat penting untuk murid pra sekolah kerana penguasaan Jawi yang kukuh di usia muda, akan memudahkan mereka mempelajari mata pelajaran Pendidikan Islam. Dapatan kajian lepas menunjukkan bahawa, tahap penguasaan Jawi dalam kalangan murid masih lemah disebabkan oleh pengajaran Jawi yang kurang menarik. Penulisan ini memfokuskan kepada konsep intervensi dalam kalangan murid pra sekolah dan pelaksanaan intervensi dalam pengajaran Jawi yang terdiri daripada penggunaan bahan bantu mengajar (BBM), inovasi dan aplikasi mudah alih. Kaedah pengajaran yang berkesan oleh guru dapat membantu murid mengenal huruf dan mengeja Jawi dengan baik malah, murid dapat menguasai bidang ilmu lain dalam Pendidikan Islam dengan cepat. Guru Pendidikan Islam perlu meningkatkan kemahiran menggunakan teknologi terkini dan memikirkan idea yang kreatif dalam mempelbagaikan kaedah mengajar supaya objektif pembelajaran tercapai. Oleh itu, pentingnya intervensi dalam menambahbaik amalan pengajaran guru. Terdapat beberapa bentuk intervensi yang boleh dilaksanakan dalam bidang Jawi. Antaranya ialah penggunaan video sebagai BBM, aplikasi mudah alih dan inovasi dengan menggunakan kaedah bermain. Metodologi yang digunakan berbentuk kualitatif. Hasil perbincangan menunjukkan, kesemua bentuk intervensi yang dihasilkan, dapat membantu guru mengajar Jawi dengan lebih mudah dan murid merasa lebih seronok. Intergrasi penerangan guru dan penggunaan inovasi Jawi yang menarik, boleh disentuh dan dilengkapi dengan aplikasi mudah alih terkini, dapat membantu murid pra sekolah mengenal huruf Jawi dengan lebih cepat dan dapat membaca Jawi dengan lebih baik.

Kata kunci : Konsep intervensi, pembelajaran Jawi, pra sekolah

1. Pengenalan

Tulisan jawi merupakan salah satu warisan bangsa Melayu yang kita perlu sama-sama pertahankan dan teruskan kesinambungannya. Seiring dengan peredaran masa, telah menyebabkan warisan bangsa ini semakin terpinggir dan tidak seperti kewujudan tulisan jawi pada masa dahulu. Tulisan jawi berasal dari bahasa Arab iaitu bahasa yang digunakan dalam al-Quran (Shapii et al., 2020). Pada peringkat permulaan, aksara Jawi diambil sepenuhnya dari aksara Arab iaitu sebanyak 2⁹ huruf. Bagi menyesuaikan dengan situasi masyarakat setempat pada ketika itu, terutamanya untuk mempelajari agama Islam, beberapa abjad dalam bahasa Parsi telah diubahsuai dan diterapkan. Ini menjadikan bilangan huruf Jawi sebanyak 3⁴ kesemuanya, iaitu 5 lagi tambahan huruf dari bahasa Parsi. Antara huruf yang baru yang ditambah ialah چ, ف, غ, ك, dan ن (Muhammad Lutfi, 2016). Kemudian terdapat lagi tambahan huruf jawi iaitu ة, ی, و, sehingga menjadikan jumlah semuanya 37 huruf. Kementerian Pendidikan Malaysia pada tahun 1992, telah memasukkan bidang Jawi ke dalam Kurikulum

Bersepadu Sekolah Rendah (KBSR) yang memberi fokus kepada kemahiran mengeja, menulis dan membaca. Satu semakan terhadap sukatan pelajaran (SP) dan Huraian Sukatan Pelajaran (HSP) telah dilakukan pada tahun 2000. Hasilnya, bermula tahun 2003 Pelajaran Jawi telah dijadikan sebagai salah satu bidang Pendidikan Islam (Akmariah & Sofiah 2010). Walaupun begitu, masih terdapat beberapa kekangan dari aspek keupayaan, motivasi dan minat murid untuk mahir dalam mengeja jawi dan membaca bahan-bahan jawi. Kebolehan dalam membaca dan menulis jawi adalah asas dalam menguasai matapelajaran Pendidikan Islam. Ini kerana hampir semua bahan Pendidikan Islam ditulis menggunakan tulisan jawi, malah pelajar juga diwajibkan untuk cekap dan mahir dalam mengeja Jawi supaya dapat mempelajari ilmu al-Quran dengan betul dan dapat membaca ayat al-Quran dengan lancar (Norizan dan Nor Azan 2013). Persepsi pelajar bahawa mengeja jawi adalah susah dan kurangnya penggunaan tulisan jawi dalam media massa membuatkan generasi muda masa kini mula mengeneipkan tulisan jawi. Ini berbeza dengan kajian yang dilakukan oleh Mardhiyyah (2012), tulisan Jawi sepatutnya tidak menjadi masalah dan bukan merupakan satu isu yang besar kerana tulisan jawi sudah lama berada dalam masyarakat dan sehati dengan umat Islam. Ini disebabkan 37 huruf Jawi ini sangat berkaitan dengan 29 huruf hijaiyyah yang terdapat dalam al-Quran. Apabila seseorang itu, kenal huruf jawi dan mahir dalam membaca Jawi maka secara langsung dia akan boleh membaca al-Quran dengan baik begitu juga sebaliknya (Wahab et al., 2017).

Semakin lama semakin kita melihat tahap penguasaan mengeja Jawi dalam kalangan generasi muda kian terhakis. Menurut Abdul Latip (2018), bagi memperkemas dan memperkasakan tulisan jawi, terdapat juga beberapa usaha dari orang perseorangan, badan organisasi tertentu termasuklah ejaan Dian, sistem ejaan jawi Zaa'ba dan pedoman ejaan jawi yang disempurnakan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka (Faisal, 2014). Dapatan kajian yang dilakukan oleh Professor Kang Kyoung Seok, evolusi ejaan jawi boleh dibahagikan kepada empat peringkat perkembangan iaitu menggunakan ejaan arab dengan tanda baris sepenuhnya, tanda-tanda baris dihapuskan dan disebut sebagai tulisan arab, penambahan huruf alif, wau, ya pada suku kata pertama dan menggunakan huruf saksi pada suku kata kedua serta sistem tulisan jawi ini disempurnakan dengan enam huruf tambahan iaitu چ, ف, غ, ك, و, ن. Oleh yang demikian, proses perkembangan dan penambahbaikan tulisan jawi, adalah suatu perkara yang kerap dilakukan dalam usaha menyempurnakan sistem ejaannya. Sehingga kini, terdapat banyak pihak yang gigih memperjuangkan isu tulisan jawi. Salah satu lagi usaha untuk melengkapkan sistem tulisan jawi yang perlu diberi tumpuan adalah hasil kajian oleh Maahad Tahfiz Al-Quran lil Muttaqin iaitu penemuan kod jawi (Faisal, 2014).

Dalam bidang Pendidikan, terdapat sebahagian guru Pendidikan Islam yang menghadapi kesukaran dalam proses pengajaran terutama dalam bidang jawi. Dapatan kajian lepas membuktikan terdapat masih ramai murid yang tidak menguasai jawi dan penguasaan mereka berada pada tahap lemah. Hal ini disebabkan murid tidak mahir ejaan jawi dan murid keliru untuk menyambung huruf jawi serta huruf alif perlu dimasukkan atau digugurkan. Selain itu, penggunaan huruf hamzah dalam sistem ejaan jawi juga menyebabkan pelajar keliru (Shapii et al., 2020). Oleh sebab itu, menjadi satu keperluan wujudnya sistem yang memelihara corak penulisan ejaan jawi ini. Sekiranya sistem ejaan jawi tidak dipelihara, maka orang ramai akan sewenang-wenangnya mengubah ejaan jawi dan kekeliruan akan terus berlaku. Kecenderungan untuk mengubah ejaan jawi ini juga akan memberi kesan kepada perkembangan tulisan jawi di masa akan datang.

Terdapat sebahagian guru yang masih tiada peningkatan dalam amalan pedagogi dan penghasilan Alat Bantu Mengajar (ABM) dalam pengajaran.(Wahab et al., 2017) Guru perlu menilai kata-kata yang diungkapkan oleh Syaidina Umar Al-Khattab iaitu "Didiklah anak-anak kamu itu berlainan dengan keadaan kamu sekarang kerana mereka telah dijadikan Tuhan untuk

zaman yang bukan zaman engkau". Ini bermaksud amat penting bagi seorang guru untuk memilih kaedah tertentu mengenai pendidikan anak didik mereka agar bersesuaian dengan perubahan semasa. Guru perlu berfikir lebih kritis dan kreatif dalam menyampaikan pengajaran kepada anak murid. Sebagai contoh, guru perlu menyediakan anak murid dengan pendidikan akademik yang menggunakan teknologi maklumat dalam era globalisasi agar mereka mampu mendepani cabaran dalam abad ke-21. Oleh itu, pendidik perlu membuat aktiviti pembelajaran yang inovatif dan menarik. Contohnya menghasilkan inovasi dan aplikasi menggunakan peranti mudah alih. (Norlaila et al., 2020)

Di peringkat pra sekolah, pendidikan asas sangat penting untuk membentuk disiplin dan akhlak murid sebelum masuk ke alam pendidikan formal di sekolah rendah. Pendidikan pra sekolah merujuk kepada program pendidikan bagi murid yang berumur lima hingga enam tahun. Perlaksanaannya adalah mengikut Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK) berdasarkan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013). Aktiviti pengajaran di pra sekolah biasanya dipengaruhi oleh kaedah dan faktor persekitaran. Semasa usia kanak-kanak dua hingga enam tahun, bahasa merupakan elemen penting kerana pada peringkat usia mereka perkembangan bahasa berlaku dengan sangat ketara. Kurikulum pra sekolah terbahagi kepada beberapa bidang iaitu Al-Quran, Bahasa Arab, Aqidah, Ibadah, Akhlak, Sirah dan Jawi. Menurut Md Isa dan Mohd Hamidi (2017), semasa pra sekolah kanak-kanak didedahkan dengan huruf Hijaiyah dan beberapa perkataan bahasa Arab untuk merangsang kemahiran bertutur mereka. Pembelajaran huruf hijaiyah merupakan asas kepada kemahiran mengeja dan membaca Jawi dengan baik, namun menurut kajian yang dilaksanakan oleh Ahmad (2016) dan Syafawati et al.(2020) mendapati, masih ramai murid yang lemah dan belum mengenal huruf-huruf hijaiyah dengan betul. Hal ini jika berlarutan akan memberi kesan kepada minat, motivasi seterusnya pencapaian murid-murid dalam pembelajaran asas tulisan Jawi. Nurhafizah et al. (2016) dan Syaiful Ramadan et al.(2019), menyatakan Pendidikan Islam menjadi subjek yang kurang diminati kerana GPI banyak menggunakan kaedah syarahan, ceramah dan berpusatkan kepada guru sahaja. Literasi teknologi dalam kalangan guru menyebabkan kurangnya aplikasi pembelajaran mudah alih terutamanya dalam mata pelajaran Pendidikan Islam. Pembelajaran huruf hijaiyah merupakan asas kepada kemahiran membaca Jawi yang menjadi unsur penting untuk menguasai mata pelajaran Pendidikan Islam. Dalam satu kajian, platform media pembelajaran interaktif didapati mempengaruhi hampir keseluruhan murid untuk memberikan respons terhadap pembelajaran pengenalan huruf hijaiyah.(Iliyas & Jumaat, 2020). Oleh itu, para guru perlu memikirkan intervensi yang sesuai untuk mengatasi masalah murid lemah dalam mengeja, membaca dan menulis jawi.

2. Definisi Dan Konsep Intervensi

Intervensi berasal daripada perkataan Bahasa Inggeris iaitu *intervention*. Kamus Dewan edisi keempat (2005), mentaksirkan intervensi sebagai campur tangan dua pihak dalam sesuatu urusan. Secara umumnya, intervensi didefinisikan sebagai satu cara untuk mengubah fikiran, emosi atau tingkahlaku seseorang (Siti Khadijah Kaimin, 2020). Dari aspek pelaksanaan yang berkaitan penambahbaikan dasar pendidikan melalui program intervensi pula, negara maju seperti Amerika Syarikat telah menunjukkan contoh dengan menggubal sebuah akta, iaitu mewajibkan sekolah untuk melaksanakan amalan pengajaran terbaik guru mereka khususnya bagi pembelajaran murid. Akta tersebut menekankan tiga komponen utama yang perlu dilakukan oleh sekolah iaitu mencapai indeks prestasi pendidikan, mengadakan program intervensi dan program pengayaan sekolah. Intervensi juga boleh ditakrifkan sebagai strategi

untuk menghasilkan perubahan sikap atau menambah nilai murni dalam diri individu atau masyarakat. Intervensi yang mengandungi pelbagai program, berkemungkinan melibatkan dasar baharu kerajaan atau penambahbaikan terhadap pendidikan. Pelaksanaan intervensi pula melibatkan pelbagai peringkat seperti individu, sekolah, organisasi dan masyarakat (Reynolds & Shaywitz, 2017). Dalam konteks Malaysia, KPM telah memperkenalkan program transformasi sekolah yang dikenali dengan TS25 kepada beberapa sekolah terpilih secara berperingkat. Ini bermaksud, menjelang tahun 2025, semua sekolah di Malaysia adalah sekolah transformasi yang telah berubah dari pelbagai aspek. Jadi, intervensi diperingkat yang lebih tinggi melibatkan aktiviti yang dirancang dengan pelbagai strategi terbaik bagi tujuan perubahan sistem pendidikan.

Intervensi dalam skop yang lebih kecil pula, merupakan aktiviti yang dirancang dengan tersusun dan diharap dapat meningkatkan penguasaan pelajar dan penerapan nilai yang diperlukan. Sebagai penjelasannya, Reynolds dan Shaywitz (2017) telah memberikan contoh intervensi pengajaran dalam mata pelajaran Matematik. Antara ciri penting bagi sesebuah intervensi pengajaran ialah suatu aktiviti yang mempunyai matlamat yang jelas seperti untuk mengatasi masalah tertentu. Intervensi juga merujuk kepada suatu aktiviti yang sistematik iaitu mempunyai had masa dan penilaian dijalankan di akhir tempoh. Dalam pengertian lain, intervensi pengajaran melibatkan kaedah yang tidak formal dan mengikut keperluan murid. Perancangan dan pelaksanaan program tersebut mengikut kesesuaian dan keadaan sesebuah sekolah agar fleksible dan berupaya mengawal pencapaian murid iaitu pihak sekolah boleh merombak program tersebut sekiranya aktiviti kurang memberi kesan kepada murid. Program intervensi pengajaran bukan hanya melibatkan teknologi yang canggih dan baharu bagi menambahbaik penguasaan murid. Contoh tentang intervensi penggunaan peralatan canggih dalam program pengajaran ialah guru menggunakan perisian canggih bagi murid yang mempunyai masalah membaca, dengan cara murid tersebut perlu membaca dengan kuat. Perisian tersebut diperkenalkan dalam aktiviti khas sekolah sebagai cara untuk memperbaiki kemahiran membaca. Kesannya, murid mampu mengendalikan peralatan yang canggih malah secara tidak langsung dapat memperbaiki tahap bacaan mereka.

Terdapat tiga komponen utama dalam intervensi iaitu mencapai indeks prestasi Pendidikan, mengadakan program intervensi dan program pengayaan sekolah. Bagi menjana kecemerlangan pelajar dalam Pendidikan Islam, guru perlu merangka intervensi yang dapat meningkatkan impak keberhasilan pelajar. Kajian menunjukkan bahawa guru yang kompeten dan berkualiti telah menyediakan modul khusus untuk para pelajar yang sederhana dan lemah supaya boleh seiring dengan pelajar yang cemerlang (Jasmi, 2012). Sebelum merangka intervensi, guru perlu merangka pelan strategik Pendidikan Islam mengikut bidang kurikulum yang ditetapkan. Seorang guru seharusnya memiliki pemikiran yang kreatif dan inovatif dalam menjadikan pengajaran lebih menarik dan mencapai objektif pembelajaran yang ditetapkan. Antara intervensi yang boleh diketengahkan ialah menyediakan bahan inovasi yang boleh disentuh dan bukannya setakat boleh dipandang sahaja. Guru boleh mengolah soalan, menyediakan aktiviti mengikut pelbagai aras, menggunakan isyarat tangan untuk mengawal murid dan menggunakan sistem penolakan ganjaran (Herryan Syah Tupan @ Surian, 2017).

Pelaksanaan pengajaran yang mengintegrasikan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) menetapkan penggunaan BBM sebagai keperluan yang utama dalam memastikan proses pengajaran dan pembelajaran dapat mencapai matlamat yang sepatutnya (Mohd Syaubari Othman, 2017). Penghasilan produk inovasi termasuk dalam intervensi untuk menambahbaik proses pengajaran dan pembelajaran. Inovasi pula didefinisikan sebagai mengubahsuai sesuatu yang sedia ada kepada sesuatu yang baru. Tujuan inovasi adalah untuk meningkatkan produktiviti dan tahap keberkesanan pembelajaran murid (Wan Ali Akhbar Wan

Abdulah, 2020). Para guru harus memberi penekanan yang lebih kepada aspek penggunaan bahan yang kreatif dan inovatif dalam pengajaran demi menghasilkan pembaharuan di dalam proses pembelajaran agar murid tidak jemu dan menjadikan ianya lebih menarik (Noornajihan Jaafar, 2018). Intervensi dalam bidang pendidikan juga disebut sebagai intervensi akademik atau pengajaran yang memerlukan sokongan semua pihak bagi memperbaiki penguasaan pelajar namun pelaksanaannya tetap mengikut keperluan dan persekitaran di sesebuah sekolah itu sendiri (Muhammad Faizal, 2017).

3. Kepentingan Intervensi

Menurut Meany Wallen, Bratton & Kottman (2014), amat penting intervensi di peringkat awal kanak-kanak kerana tanpa intervensi, tingkah laku kanak-kanak akan menjadi kebiasaan dan sebatik bila meningkat dewasa. Begitu juga dalam memperbaiki dan meningkatkan penguasaan Pendidikan Islam khususnya mata pelajaran Jawi. Setiap murid berbeza tahap penguasaan dan perbezaan inilah yang sepatutnya dikenalpasti oleh guru. Sebab itu pentingnya intervensi dijalankan terhadap murid yang bermasalah dan berada pada tahap penguasaan yang lemah. Pendekatan yang sesuai dengan diri dan kognitif murid, dapat menimbulkan minat dan motivasi seterusnya mencapai objektif yang diharapkan. Ini turut menjamin keberkesanan dan kejayaan prestasi murid berkenaan bukan sahaja daripada aspek akademik tetapi juga dari sudut pembentukan akhlak dan sahsiah.

Guru secaraanya umumnya dan Guru Pendidikan Islam (GPI) khususnya, harus memainkan peranan penting dalam mengenal pasti masalah yang berlaku dari awal agar murid tidak ketinggalan terlalu lama. Dalam pembelajaran jawi, penghasilan inovasi oleh guru merupakan salah satu intervensi untuk meningkatkan tahap penguasaan murid. Tujuan inovasi adalah untuk meningkatkan produktiviti dan tahap keberkesanan serta kualiti pembelajaran pelajar (Mohammad Amir Wan Harun, 2015). Pengajaran jawi murid pra sekolah banyak tertumpu dengan menggunakan kaedah tradisional. Oleh itu, guru yang kreatif perlu menggunakan mempelbagaikan kaedah pengajaran dalam memastikan kemenjadian murid. Inovasi jawi masih tidak digunakan secara meluas kepada murid pra sekolah. Penghasilan inovasi dapat menarik minat murid pra untuk mempelajari jawi dengan pendekatan belajar sambil bermain. Ia turut memberi pilihan bahan bantu mengajar kepada guru untuk memperkenalkan huruf jawi seterusnya menambah baik kaedah pengajaran mengeja jawi. Ini secara tidak langsung, memudahkan pengajaran guru dan pembelajaran murid. Inovasi jawi boleh digunakan secara berterusan bersama ibu bapa di rumah (home based learning) terutama semasa Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) akibat pandemik COVID 19.

Pengajaran dan pembelajaran (PdP) yang berkesan dapat dilihat melalui sejauh mana kemahiran guru-guru dalam melaksanakan PdP yang interaktif dan menghubungkan dengan KBAT (Jasmi, 2012). Guru yang kreatif dan inovatif pula mestilah mempunyai persediaan dari aspek pengetahuan dan kemahiran dalam PdP termasuk mengaitkan keseluruhan aspek tersebut di dalam penyampaian pengajarannya. Selain itu, guru yang kreatif dan inovatif mampu menjadi pencetus kepada guru lain di dalam menjana idea berkaitan sesuatu konstruk pengetahuan dan bagaimana BBM yang sedia ada dapat ditambahbaik bagi meningkatkan tahap penggunaannya. (Mohd Syaubari Othman, 2017) Kehadiran BBM ini telah mengubah peranan guru sebagai fasilitator dan meningkatkan tahap keberkesanan pengajaran berpusatkan murid, namun amalan penggunaan BBM ini belum dilaksanakan secara meluas oleh guru-guru disebabkan kekangan persekitaran, masa, tenaga dan kewangan untuk menyediakannya (Hussin et al, 2005).

Guru sebagai peranan utama perlu memilih Alat Bantu Mengajar (ABM) yang sesuai. Ini supaya ilmu yang disampaikan dapat memberi kesan yang mendalam terhadap perkembangan murid. Walaupun guru telah menggunakan pelbagai pendekatan contohnya seperti teknik latih tubi, soal jawab, penyelesaian masalah dan sebagainya, namun tidak dapat dinafikan kaedah atau teknik pengajaran yang disampaikan memerlukan kepada pembaharuan seiring dengan ledakan teknologi maklumat dan Revolusi Pendidikan yang berlaku kini. Oleh itu, kaedah pengajaran menggunakan teknologi komputer khususnya aplikasi mudah alih dan permainan multimedia yang direka mampu mengintegrasikan teknologi dalam pendekatan PdP Pendidikan Islam sama ada kemahiran mengeja atau membaca jawi. Ini kerana penggunaan teknologi maklumat telah menjadi satu keperluan kepada manusia dalam kehidupan masa kini. Tambahan pula, guru Pendidikan Islam haruslah menggunakan kaedah pengajaran yang pelbagai dan berkesan agar dapat membentuk murid yang celik Jawi di samping cemerlang dari segi akademik serta boleh bersaing dengan pelajar luar negara dalam era globalisasi (Azwani et al. 2013).

Kementerian Pelajaran Malaysia telah menggariskan beberapa tahap penguasaan murid sepertimana yang terkandung dalam Dokumen Standard Kurikulum Pendidikan Islam (DSKP). Tahap penguasaan 1 merujuk kepada ilmu iaitu murid menguasai asas pengetahuan, kemahiran dan nilai dalam setiap kandungan. Tahap penguasaan 2 merujuk kepada amali iaitu murid dapat menjelaskan konsep atau menggunakan pengetahuan, kemahiran dan nilai secara praktikal. Tahap penguasaan 3 merujuk kepada amalan iaitu dapat menjelaskan dan mengaplikasikan pengetahuan, kemahiran dan nilai daripada kandungan yang dipelajari dalam kehidupan harian. Tahap penguasaan 4 merujuk kepada iltizam iaitu murid berkebolehan, menghuraikan dan mengaplikasikan pengetahuan, kemahiran dan nilai daripada kandungan secara bersungguh-sungguh dan bertanggungjawab. Tahap penguasaan 5 pula merujuk kepada penghayatan iaitu murid berkebolehan memberikan justifikasi serta istiqomah terhadap tindakan berdasarkan pengetahuan, kemahiran dan nilai yang dipelajari (KPM, 2015). Tahap penguasaan inilah yang perlu diberi tumpuan oleh para guru demi memastikan objektif pembelajaran tercapai seiring dengan konsep Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT). Ini seiring dengan hasrat Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan Falsafah Pendidikan Islam yang lebih fokus kepada perkembangan yang bersepadu dan seimbang dari aspek jasmani, emosi, rohani dan intelek (JERI). Selain itu, matlamat kurikulum Pendidikan Islam bukan sahaja memberi penekanan ke arah mendapatkan ilmu pengetahuan dan kemahiran tetapi juga ke arah penerapan nilai, ilmu dan penghayatan amalan Islam (Jaafar et al., 2017). Oleh itu, intervensi yang dilakukan oleh guru Pendidikan Islam perlulah sesuai dengan kognitif dan persekitaran murid bagi memastikan tahap penguasaan dapat dipertingkatkan seiring dengan pertambahan usia murid.

4. Intervensi Dalam Pengajaran Jawi

Kreativiti, inovasi dan teknologi maklumat adalah merupakan elemen yang sangat penting dalam Pembelajaran Abad ke-21 ini sebagaimana yang ditekankan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 (Fkrudin et al., 2019). Keterlibatan murid dalam proses pembelajaran sangat ditekankan. Pembelajaran berpusatkan murid penting agar mereka memiliki kebolehan untuk berkomunikasi dengan yakin dan menggalakkan murid berinteraksi sesama mereka serta berfikir secara kreatif dan kritis. Antara salah satu kaedah yang dapat menggalakkan keterlibatan murid dalam proses pembelajaran ialah Kaedah Pembelajaran Koperatif. Murid akan berinteraksi secara kumpulan terhadap kandungan mata pelajaran (Noriati et al. 2012). Dapatan kajian yang dilakukan oleh Jaafar et al. (2017) telah

membuktikan bahawa Kaedah Pembelajaran Koperatif dapat meningkatkan pencapaian akademik murid dalam Pelajaran Jawi. Pembelajaran Koperatif membawa maksud murid-murid akan belajar bersama-sama dalam satu kumpulan kecil. Setiap kumpulan kecil tersebut mempunyai matlamat yang ingin dicapai iaitu kejayaan bagi pasukan mereka. Untuk mencapai kejayaan tersebut setiap ahli kumpulan saling memerlukan antara satu sama lain. Oleh itu, model Pembelajaran Koperatif dapat digunakan oleh kumpulan murid yang memiliki tahap penguasaan rendah dan mereka dapat menyelesaikan tugas pembelajaran Bersama dengan bimbingan rakan-rakan yang memiliki tahap penguasaan tinggi (Noriati et al. 2012).

Kaedah permainan dalam pengajaran Jawi telah melalui beberapa peringkat intervensi sesuai dengan keperluan kanak-kanak dalam pembelajaran abad ke-21. Bermain merupakan fitrah semula jadi kanak-kanak yang boleh memberi pengalaman dalam menggalakkan perkembangan mereka bukan sahaja aspek akademik semata-mata tetapi juga secara menyeluruh (Nur Hidayu, 2015). Pelaksanaan kaedah belajar sambil bermain dalam proses pengajaran dan pembelajaran sebenarnya membantu mengasah ilmu kemahiran seterusnya dapat meningkatkan penguasaan dan penghayatan pembelajaran dalam kalangan murid. Metode Montessori merupakan kaedah yang mendidik anak sesuai dengan fitrah seorang anak yang suka bermain. Kaedah ini memfokuskan pada kepentingan anak secara individu (*child/student centred*). Mereka melakukan pelbagai aktiviti seharian sesuai dengan pilihan dan keinginan mereka, sementara guru berperanan sebagai fasilitator dalam semua aktiviti yang mereka lakukan. Selain itu, pembelajaran dengan kaedah Montessori menekankan keterlibatan anak secara aktif, interaktif dan pelbagai yang melibatkan seluruh panca indera sehingga segala ilmu yang disampaikan guru dapat diterima secara maksima (Mukaromah, 2019).

Permainan yang boleh digunakan dalam pembelajaran jawi ialah Pancing Jawi, Tenteng, Boling, Rumah Merpati, Kereta Api, Pandai Joran, Roda Impian Jawi dan banyak lagi (Akmariah, 2010). Selain aktiviti yang dicadangkan oleh KPM, terdapat pelbagai Alat Bantu Belajar yang telah direka khusus untuk membantu guru dalam memastikan aktiviti pengajaran menarik dan berkesan. Hairul et al. (2010) contohnya telah membuat permainan 'Dam Ular' yang terdiri daripada papan, dadu dan skrip soalan yang ditulis sepenuhnya menggunakan tulisan Jawi. Pengajaran jawi dalam talian pula seperti permainan E-Jawi, telah dapat membantu pembelajaran murid disleksia. Inovasi ini telah dicipta oleh Mohamad Adib et al. (2015), manakala permainan *Jawi WordSearch Game* melalui peranti mudah alih pula telah dicipta oleh Norizan et al. (2010). Pelbagai permainan jawi yang telah dihasilkan ini, mempunyai keupayaan untuk memudahkan tenaga pengajar dalam proses penyampaian ilmu, membantu guru mencapai tahap pengajaran yang berkesan serta mampu menarik minat murid untuk mengikuti pembelajaran jawi melalui aktiviti pengajaran yang menarik. (Nahar & Safar, 2016).

Noraishah A.Rahman (2020) telah menjalankan kajian tindakan tentang cara meningkatkan kemahiran mengeja jawi bagi murid tahun 4 Ibnu Sina dengan menggunakan inovasi kotak huruf jawi (j-BOX). Berdasarkan ujian, pemerhatian dan temubual yang dijalankan, hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa murid seronok belajar jawi sambil bermain j-BOX. Murid yang baru mengenal huruf akan dapat menghafaz dengan pantas melalui video lagu huruf jawi tunggal yang terdapat dalam YouTube setelah mereka mengimbas QR code. Inovasi yang dihasilkan telah dapat meningkatkan kemahiran mengeja jawi kerana murid dapat menghafal padanan huruf jawi yang disediakan. Murid yang langsung tidak tahu membaca jawi amat tertarik dengan inovasi ini kerana setiap kotak huruf memiliki padanan huruf jawi dan rumi. Murid juga dapat menulis perkataan jawi dengan baik setelah menyusun kotak dan menyambung huruf berdasarkan warna tertentu. Kedudukan huruf jawi yang diwakili dengan warna yang berbeza telah memudahkan murid untuk menyambung huruf.

Terdapat banyak video pengajaran yang berkaitan telah dimuatnaik oleh guru di YouTube untuk memudahkan murid mengulang penerangan guru yang tidak difahami. Teknik roda dan warna lampu isyarat juga telah dapat membantu murid mengingat huruf yang tidak boleh disambung dan huruf yang boleh disambung. (Noraishah A.Rahman, 2020)

Dalam kajian tindakan Akmariah Mamat (2010) yang bertajuk Penguasaan Kemahiran Membaca dan Menulis Jawi di Kalangan Pelajar Tahun 4, pengkaji mencadangkan formula untuk menarik minat murid terhadap tulisan jawi. Sebelum melaksanakan intervensi Jawi ini, pelan strategik yang dilaksanakan berasaskan beberapa instrumen iaitu kaedah peperiksaan dan penilaian, kaedah soal selidik, kaedah temubual dan pembinaan modul jawi. Di peringkat sekolah rendah, murid tahun 2 hingga tahun 6 yang lemah jawi akan diwajibkan untuk mengikuti Kem Cemerlang Jawi (KCJ). Program intervensi ini bertujuan untuk memperbaiki tahap penguasaan kerana bilangan murid yang terpilih tidak ramai. Secara tidak langsung, guru boleh memberi tumpuan yang lebih kepada murid yang terpilih ini. Modul KCJ yang disediakan sememangnya dapat membantu murid kerana bermula dari tahap rendah dan menggunakan pendekatan yang berbeza. Setelah mengikuti KCJ, murid dapat mempertingkatkan kemahiran mengeja dan membaca jawi. Program KCJ dilakukan secara berkala dan berterusan dengan harapan dapat mengatasi masalah murid yang tidak dapat menguasai tulisan jawi.

Selain inovasi, terdapat juga intervensi lain yang digunapakai dalam bidang jawi. Satu daripada kaedah yang digunakan dalam memastikan murid boleh membaca jawi dengan betul adalah dengan penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi (TMK) khususnya aplikasi jawi bermultimedia. Penggunaan TMK bukan sahaja menyeronokkan malah memberi peluang untuk menambahkan ilmu pengetahuan dan menambahbaik kemahiran teknologi murid khususnya dalam kemahiran membaca dan menulis Jawi (Wahab et al., 2017). Bagi mengatasi masalah murid tidak boleh membaca jawi menurut Nor Azli (2013), satu perisian permainan pendidikan yang diberi nama MyJawiGame telah dicipta. Perisian ini dapat meningkatkan kemahiran membaca perkataan dan ayat Jawi. Terdapat banyak perisian dan aplikasi yang berteraskan teknologi yang digunakan untuk menarik minat murid untuk belajar sambil berhibur. Sebagai contoh, aplikasi bermain dan perisian komputer yang berkonsepkan pendidikan di Malaysia tetapi menggunakan teknologi tinggi yang canggih. Tambahan pula, permainan merupakan fitrah kanak-kanak dan suatu aktiviti yang boleh menarik minat dan kecenderungan murid untuk terus belajar sehingga mencapai tahap yang sepatutnya (Akmariah & Sofiah 2010).

Menurut Shapii et al. (2020) terlalu sedikit yang menggunakan aplikasi multimedia berkaitan tulisan jawi sebagai medium pembelajaran. Penggunaan aplikasi mudah alih telah membuktikan bahawa intervensi ini dapat memperbaiki daya tumpuan, pemahaman dan kreativiti murid. Oleh itu, aplikasi ini harus disebarluaskan untuk meningkatkan keupayaan murid bagi menguasai sistem tulisan jawi yang baru. Ianya juga dapat meningkatkan motivasi murid dan memberikan nafas baru kepada tulisan jawi. Selain daripada visual yang memaparkan penggunaan warna yang menarik, alunan bunyi yang bersesuaian serta pergerakan animasi yang mudah difahami akan membantu perkembangan kognitif murid. Menurut teori konstruktivisme, terdapat keperluan bagi melatih pelajar untuk berdikari (Abuzahra, Farrah dan Zalloum, 2016).

Salah satu inisiatif yang juga perlu diberi perhatian adalah pembelajaran tidak segerak (*asynchronous*) contohnya seperti penggunaan aplikasi mudah alih yang tidak memerlukan capaian internet untuk mengaksesnya. *Mobile apps* atau aplikasi mudah alih merupakan sebuah program yang dimuatkan ke dalam alat mudah alih dan boleh digunakan di mana-mana sahaja dan pada bila-bila masa (Aliff Nawi et al., 2014). Ketersediaan pelajar menerima peranti mudah

alih turut menjadi isu kerana peranti mudah alih dikatakan mengalihkan perhatian pelajar dari pembelajaran. Oleh itu pendidik perlu membuat aktiviti pembelajaran yang kreatif dan inovatif dengan menggunakan peranti mudah alih. Fkrudin et al. (2018) dalam kajiannya menyatakan, aplikasi mudah alih telah menyediakan pelbagai alternatif dan kemudahan bukan hanya untuk perhubungan, tetapi dilengkapi dengan pelbagai bentuk gabungan muzik, gambar, animasi dan rakaman video. Aplikasi mudah alih seperti ejawi2u banyak membantu murid untuk menyemak ejaan jawi masing-masing samada betul atau salah. Antara kelebihan aplikasi ini ialah dapat mengetahui jawapan samada ejaan perkataan, perenggan, teks atau suku kata dengan cepat dan tepat. Pengguna hanya perlu muat turun aplikasi ejawi2u dalam telefon mudah alih dan selepas itu, aplikasi ini boleh digunakan tanpa capaian internet.

Walaupun terdapat beberapa intervensi pembelajaran untuk murid sekolah rendah yang sudah sedia ada di pasaran, tetapi isi kandungan tersebut kurang sesuai dan tidak menepati Kurikulum Standard Pra Sekolah Kebangsaan (KSPK). Intervensi yang dihasilkan juga perlu berasaskan penyelidikan akademik dan isu semasa terkini yang dihadapi oleh murid. Oleh yang demikian, guru perlu memikirkan intervensi yang sesuai untuk mengatasi masalah pembelajaran murid pra sekolah dalam mata pelajaran Jawi demi memastikan murid dapat menguasai ilmu Pendidikan Islam dan mencapai objektif yang digariskan. Setelah menyenaraikan cadangan intervensi, guru perlu memilih mengikut keutamaan intervensi mana yang memberi kesan terbaik untuk meningkatkan tahap penguasaan murid. Guru juga perlu mengambilkira tahap penerimaan murid dan kemudahan yang dimiliki untuk melaksanakan intervensi tersebut.

5. Kesimpulan

Secara keseluruhannya, daripada pengertian, konsep, kepentingan dan cadangan yang dibincangkan, dapatlah disimpulkan bahawa intervensi sebagai satu kaedah atau cara rawatan untuk menambahbaik dan menangani masalah agar tidak kekal dalam keadaan lemah dan merosot. Peningkatan akan berlaku selepas dijalankan intervensi secara sistematik berdasarkan penilaian yang telah dilaksanakan terhadap anak murid. Terdapat pelbagai intervensi yang telah dilaksanakan oleh guru Pendidikan Islam samada di peringkat pra sekolah, sekolah rendah mahupun sekolah menengah. Pelaksanaan intervensi GPI melihat kepada keupayaan guru dalam menangani masalah dan kelemahan murid dengan kaedah, inovasi, BBM atau aplikasi mudah alih yang sesuai. Dalam melaksanakan intervensi, perancangan yang teliti menjadi aspek penting dalam kejayaan melonjakkan keberhasilan murid. Keberkesanan intervensi samada dalam bentuk benda mawujud seperti inovasi dan BBM serta kaedah atau aplikasi mudah alih dalam pengajaran, memberi impak yang sangat besar kepada tercapainya objektif.

Amalan pengajaran dan pembelajaran perlulah menjadi lebih kreatif, kritis dan inovatif seiring situasi semasa yang berlaku. Contohnya, apabila pandemik COVID 19 yang melanda dunia kini, proses pengajaran guru dan pembelajaran murid berlaku dari rumah (PdPR) dan secara dalam talian serta tidak dapat lagi dilakukan secara bersemuka. Oleh itu, guru yang kompeten akan pantas bertindak dan cepat menyesuaikan diri dengan keperluan semasa. Ini menunjukkan penggunaan kaedah, BBM dan aplikasi yang sesuai dapat memberi kesan positif dalam proses menguasai tajuk yang dipelajari dan meningkatkan minat dengan pembelajaran. Kepelbagaian BBM yang mempunyai nilai inovasi dalam bidang jawi mampu membantu pelajar membuat pilihan untuk mengaplikasikan ilmu yang telah dipelajari. Murid lebih tertarik dengan aplikasi mudah alih yang kreatif seterusnya memudahkan kolaboratif antara murid dengan murid dan komunikasi antara murid dengan guru. Walaupun pelbagai intervensi yang dilakukan agar murid dapat menguasai Pelajaran Jawi dengan berkesan, para guru juga perlu

mengintegrasikan kaedah yang telah sekian lama digunakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam.

Penggunaan bahan intervensi seperti inovasi dan aplikasi mudah alih sebagai sumber pengajaran, perlu digabungkan dengan pertumbuhan teknologi yang berkembang dengan pesat. Ini secara tidak langsung, membantu pendidik menyesuaikan kaedah pendidikan tradisional mereka dengan persekitaran pembelajaran digital abad ke-21. Apa yang penting guru mesti menggalakkan murid melibatkan diri secara aktif dalam setiap aktiviti berpusatkan murid dan sentiasa memberikan motivasi sepanjang pengajaran dan pembelajaran itu berlangsung tidak kira samada secara bersemuka atau secara dalam talian. Belajar sambil bermain, perlu dirancang dengan teliti dan diintegrasikan dengan kecanggihan teknologi terkini. GPI harus mencari peluang untuk meningkatkan kemahiran mengajar dan berusaha mengambil inisiatif untuk bertindak proaktif dalam menghasilkan inovasi dalam pengajaran dan pembelajaran sebagai mana yang ditekankan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025. Setiap individu guru perlu mengambil tanggungjawab penuh untuk meningkatkan kualiti diri dan memainkan peranan yang maksima dalam memperbaiki kemahiran pedagogi. Secara tidak langsung, pengajaran dan pembelajaran yang dilaksanakan lebih bermakna dan natijahnya nanti akan memberi impak kepada keberhasilan dan kemenjadian murid di sekolah. Segala intervensi yang dilaksanakan oleh guru akan dirasai oleh murid dan akan merasakan bahawa kepentingan mempelajari jawi bukan untuk lulus peperiksaan semata-mata bahkan sangat bermanfaat dalam kehidupan seorang muslim demi mendepani cabaran Revolusi Industri 4.0. Dalam konteks tulisan Jawi, keberkesanan pendidikan dilihat meliputi matlamat dan visi yang lebih luas iaitu bagi memenuhi hasrat Kementerian Pendidikan Malaysia yang menetapkan matlamat akhir untuk menanam rasa kecintaan serta penghargaan dalam kalangan murid dalam usaha untuk memartabatkan tulisan jawi sebagai suatu seni warisan budaya dan bangsa.

6. Rujukan

- Abdul Latip, N. S. (2018). Daya Saing Tulisan Jawi dan Potensi Kod Jawi Dalam Menghadapi Era Globalisasi. *Sains Insani*, 3(1), 38–45. <https://doi.org/10.33102/sainsinsani.vol3no1.22>
- Aliff Nawawi, Mohd Isa Hamzah, & Surina Akmal Abd Sattai. (2014). Potensi Penggunaan Aplikasi Mudah Alih (Mobile Apps) Dalam Bidang Pendidikan Islam. *Online Journal of Islamic Education*, 2(2), 26–35.
- Fkrudin, A., Yusoff, M., Norina, W., Hamat, W., & Basir, N. K. (2019). *Penggunaan Aplikasi WEB 2 . 0 Dalam Proses Pengajaran dan Pembelajaran Kursus Mata Pelajaran Umum (MPU)*. 16(5), 1–13.
- Fkrudin, A., Yusoff, M., Romli, A. B., Pengajian, J., Politeknik, A., & Omar, U. (2018). Kebolegunaan Aplikasi Mudah Aalih (Mobile Apps) Bagi Kursus Sains, Teknologi dan Kejuruteraan dalam Islam (M-ISTECH) Di Politeknik Malaysia. *Malaysian Online Journal of Education*, 2(1), 18–28.
- Iliyas, S. S., & Jumaat, N. F. (2020). Pembelajaran Menerusi Aplikasi Mudah Alih dan Kesannya terhadap Pembelajaran Huruf Hijaiyah Murid Pra-sekolah. *Innovative Teaching*

and Learning Journal, 3(2), 30–41.

Jaafar, F., Osman, R., Saidin, K., & Abdan, N. (2017). Kesan Pembelajaran Koperatif dan Tradisional Terhadap Pencapaian Akademik Penguasaan Kemahiran Jawi. *Ulum Islamiyyah The Malaysian Journal of Islamic Sciences*, 19, 58–70.

Jasmi, K. A. (2012). Aplikasi Teknologi dalam Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam. In *Seminar Antarabangsa Perguruan dan Pendidikan Islam* (pp. 185–193).

Kamus Dewan, Edisi Keempat (2015). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Kementerian Pendidikan Malaysia (2015). Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Pendidikan Islam Sekolah Rendah.

Mohd Syaubari Othman, A. Y. K. (2017). Amalan Penggunaan Bahan Bantu Mengajar (BBM) menerusi Pengintegrasian Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) Dalam Kalangan Guru Pendidikan Islam Sekolah Rendah di Negeri Perak. *Journal Of Islamic Educational Research (JIER)*, 2(1), 1–14.

Muhammad Faizal, A. Z. & F. (2017). *Cabaran Pelaksanaan Program Intervensi anjuran Persatuan Ibu bapa dan Guru di Sekolah Agama Swasta : Satu Kajian Awal*. April, 66–84.

Mukaromah, L. (2019). Pembelajaran Area Berbasis Islam Montessori Terhadap Psikologi Perkembangan Anak Usia. *Jurnal Ilmiah Pesona Daud*, 6(2), 80–93.

Nahar, N., & Safar, J. (2016). Pengajaran Jawi Berkesan Dalam Usaha Memartabatkan Warisan Budaya Bangsa. *International Conference on Education towards Global Peace, December*, 1–10. <http://www.iium.edu.my/capeu2016/index.php/proceedings/>

Noraishah A.Rahman. (2020). Meningkatkan Kemahiran Mengeja Jawi bagi Murid Tahun 4IS dengan Menggunakan Kotak Huruf Jawi (j-BOX). In *Koleksi Ilmiah Pendidikan Kajian Tindakan* (pp. 1–8). Persatuan Guru STEM Malaysia.

Norlaila, C. M., Mohammed Huzaimi, A., & Rosseni, D. (2020). *Kesediaan Pelajar Tingkatan 6 Menggunakan Aplikasi Mudah Alih Pendidikan (Form Six Student ' S Readiness in Using Portable Education*. 3(1), 1–8.

Shapii, A., Mahayuddin, Z. R., & Othman, S. (2020). *Jom Jawi : Meningkatkan Penguasaan Bahasa Jawi Di Kalangan Murid Sekolah Rendah Mengguna Media Interaktif (Jom Jawi : Improving Jawi Language Proficiency Among Primary School Students Using Interactive Media)*. 2(3), 212–230.

Siti Khadijah Kaimin, D. A. Y. & D. M. Y. (2020). Konsep Intervensi Dalam Pendidikan Islam. In *Integrasi Konsep dalam Pendidikan Islam* (pp. 33–63). Santai Ilmu Publication.

Wahab, N. S. A., Lubis, M. A., Mustapha, R., Sjahrony, A., & Febrian, D. (2017). Kefahaman Al-Quran Dan Jawi Melalui Permainan. *ASEAN Comparative Research Journal on Islam and Civilization (ACER-J)*, 1(January), 41–53.

Wan Ali Akhbar Wan Abdullah. (2020). Konsep Guru Inovatif Pendidikan Islam. In *Integrasi Konsep Dalam Pendidikan Islam* (pp. 1–13). Santai Ilmu Publication.